

Bil. S 54

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENDIDIKAN UGAMA WAJIB, 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
 2. Tafsiran.
 3. Pengenaan.
 4. Bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah.
 5. Pendidikan ugama wajib.
 6. Pengecualian.
 7. Penubuhan dan keanggotaan Lembaga.
 8. Kakitangan kerajaan.
 9. Tempoh menjadi ahli.
 10. Mesyuarat Lembaga.
 11. Kewajipan dan kuasa Lembaga.
 12. Hukuman.
 13. Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan kesalahan kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.
 14. Kumpulanwang Wakaf Am.
 15. Perlindungan dari liabiliti diri.
 16. Peraturan-peraturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENDIDIKAN UGAMA WAJIB, 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari, 2013.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan ugama wajib dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya”.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“ibu bapa”, berkenaan dengan seseorang kanak-kanak yang dikenakan bab 5, termasuk seorang penjaga dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan di sisi undang-undang atau sebenar ke atas kanak-kanak itu;

“kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama” bermakna seorang kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun atau ke atas yang belum lagi mencapai umur 15 tahun dan yang memenuhi syarat-syarat untuk mendapat pendidikan ugama prasekolah dan rendah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri;

“Lembaga” bermakna Lembaga Pendidikan Ugama Wajib yang ditubuhkan oleh bab 7;

“Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;

“pendidikan ugama” bermakna pendidikan mengikut ajaran ugama Islam menurut *Ahlis Sunnah Wal Jamaah*;

“sekolah ugama” bermakna mana-mana institusi bagi penyediaan pendidikan prasekolah dan rendah sepenuh masa, iaitu —

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(a) sesebuah sekolah ugama yang ditubuhkan dan diselenggarakan secara khusus oleh Kerajaan; atau

(b) sekolah lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan;

“Setiausaha Tetap” bermakna Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pengenaan.

3. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada seseorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama —

(a) yang berugama Islam;

(b) yang lahir pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2006;

(c) yang tinggal di Negara Brunei Darussalam; dan

(d) yang ibu bapanya, sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka, adalah warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap;

Bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah.

4. Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tiada mahkamah, selain dari sebuah mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184), boleh mendengar atau memutuskan sebarang tuntutan atau prosiding di bawah Perintah ini.

Pendidikan ugama wajib.

5. (1) Tiap-tiap ibu bapa hendaklah, jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama pada satu haribulan Januari dalam tahun bersekolah semasa, memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah ugama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan ugama wajib.

(2) Ibu bapa yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Dalam ceraian (1), “tempoh pendidikan ugama wajib” bermakna tempoh pendidikan ugama yang disediakan di sesebuah sekolah ugama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun.

Pengecualian.

6. Menteri boleh, jika dia menganggapnya mustahak dan bagi kepentingan kanak-kanak atau orang ramai untuk berbuat demikian, dengan perintah yang

disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mengecualikan mana-mana kanak-kanak atau mana-mana golongan atau perihalan kanak-kanak dari peruntukan bab 5.

Penubuhan dan keanggotaan Lembaga.

7. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan yang dikenali sebagai Lembaga Pendidikan Ugama Wajib.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada —

(a) Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebagai pengurus;

(b) Pengarah Pengajian Islam, sebagai timbalan pengurus;

(c) tidak kurang dari tujuh orang ahli yang akan dilantik oleh Menteri;

(d) Penolong Pengarah Pengajian Islam, sebagai setiausaha.

Kakitangan kerajaan.

8. Semua ahli Lembaga hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Tempoh menjadi ahli.

9. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3), seseorang ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama 3 tahun dari tarikh lantikannya dan mengosongkan jawatannya menurut syarat-syarat lantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah bab 7(2)(c) boleh meletak jawatan pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

(3) Jika Menteri berpuas hati bahawa mana-mana ahli Lembaga —

(a) telah bersalah kerana cuai menjalankan kewajipan atau salah laku;

(b) telah menjadi bankrap atau membuat suatu penyusunan dengan pembiutang-pembiutangnya; atau

(c) sebaliknya tidak berupaya melaksanakan tugas-tugas seorang ahli, maka Menteri boleh membatakan lantikannya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Kesahan sebarang prosiding Lembaga tidak akan terjejas oleh apa-apa kekosongan di kalangan ahli-ahlinya atau oleh apa-apa kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli.

Mesyuarat Lembaga.

10. (1) Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli yang dilantik hendaklah membentuk *korum*.

(2) Pengerusi hendaklah mempengarusikan semua mesyuarat Lembaga yang dihadirinya dan, semasa ketiadaannya, timbalan pengerusi hendaklah bertindak sebagai pengerusi.

(3) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana orang yang bersesuaian semua atau sebarang kuasa atau kewajipannya di bawah Perintah ini.

(4) Semua persoalan yang berbangkit dalam mana-mana mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan, sekiranya terdapat persamaan undi, pengerusi atau, semasa ketiadaannya, timbalan pengerusi yang bertindak sebagai pengerusi, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada Perintah ini, Lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

Kewajipan dan kuasa Lembaga.

11. (1) Kewajipan-kewajipan Lembaga adalah —

(a) untuk menyiasat sama ada sebarang peruntukan Perintah ini telah dilanggar atau sedang dilanggar;

(b) untuk membuat sokongan kepada Setiausaha Tetap mengenai penguatkuasaan Perintah ini; dan

(c) pada amnya untuk melakukan semua perbuatan dan hal yang perlu dilaksanakan di bawah Perintah ini.

(2) Bagi maksud menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini, Lembaga boleh —

(a) memanggil mana-mana orang untuk hadir dalam mana-mana prosiding Lembaga bagi memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam milikannya;

(b) mendengar dan memeriksa saksi-saksi dengan mengangkat sumpah atau ikrar;

(c) pada amnya menghendaki mana-mana orang untuk memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam milikannya;

(d) menghendaki mana-mana orang yang berkenaan untuk hadir dalam sebarang sesi kaunseling atau pengantaraan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga; dan

(e) melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan sebarang kuasanya.

(3) Menteri boleh memberi arahan yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, tentang perjalanan kuasa-kuasa dan perlaksanaan kewajipan-kewajipan Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan sebarang arahan itu.

Hukuman.

12. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab 5(2) boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) enggan hadir dalam mana-mana prosiding Lembaga;

(b) enggan memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen kepada Lembaga;

(c) memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen yang palsu dalam suatu butiran mustahak dan yang diketahuinya sebagai palsu atau dia tidak mempercayainya sebagai benar; atau

(d) mengadang atau menghalang Setiausaha Tetap, Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Lembaga,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan kesalahan kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.

13. Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.

Kumpulanwang Wakaf Am.

14. Tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah Perintah ini hendaklah terletakhak pada Majlis Ugama Islam dan hendaklah menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Wakaf Am yang ditubuhkan di bawah bab 98 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77).

Perlindungan dari liabiliti diri.

15. Tiada guaman atau prosiding lain undang-undang boleh dikemukakan sendiri terhadap —

(a) mana-mana ahli Lembaga; atau

(b) mana-mana orang lain yang diperintahkan di bawah arahan Lembaga,

kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan Perintah ini.

Peraturan-peraturan.

16. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 14 haribulan Julai, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM